

Pertumbuhan Ekonomi Negara dan Keperluan Buruh Asing

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Peningkatan produktiviti buruh secara berterusan amat penting untuk mengekalkan daya saing sesuatu ekonomi. Pertumbuhan pengeluaran di dalam ekonomi akan menjadi semakin terhad tanpa peningkatan produktiviti. Sebaliknya, pergantungan kepada pertambahan buruh menjadi satu-satunya pilihan untuk meningkatkan pengeluaran. Di dalam situasi sedemikian, proses pengeluaran biasanya akan berterusan bergantung kepada teknologi yang lapuk. Justeru, tenaga buruh yang diperlukan juga tidak perlu kepada kemahiran yang tinggi.

Keadaan ini sudah tentu tidak selari dengan usaha negara untuk meningkatkan tahap pendidikan di kalangan rakyat. Kini semakin ramai rakyat jelata yang berpendidikan tinggi dan ini adalah bersesuaian dengan tahap sebuah negara maju yang disasarkan. Namun peluang pekerjaan yang dicipta tidak bertambah selari dengan pertambahan buruh berkemahiran tinggi yang dicipta. Situasi ini perlu ditangani secepat mungkin kerana ianya mempunyai implikasi jangka panjang yang lebih serius jika dibiarkan.

Ianya boleh ditangani melalui dasar-dasar dan insentif yang bersesuaian secara komprehensif dan berterusan. Bukan setakat dasar jangka pendek untuk penyelesaian masalah atau isu semasa. Ini dapat dilakukan melalui pelan jangka panjang dan disokong oleh pelan jangka pendek seperti melalui dasar fiskal tahunan.

Dasar bersesuaian perlu digubal untuk menggalakkan pengeluar meningkatkan tahap teknologi mereka. Pada masa yang sama sistem pendidikan perlu memastikan tenaga mahir dikeluarkan selari dengan permintaan dari pihak industri. Situasi semasa merupakan contoh klasik di mana perancangan yang komprehensif adalah amat penting untuk mencapai matlamat jangka panjang.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Kini sistem pendidikan Malaysia dilihat mampu mengeluarkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran asas yang agak setimpal walaupun di banding dengan lain-lain negara maju di dunia. Namun suatu trend yang agak membimbangkan kini di mana para graduan yang dikeluarkan saban tahun menghadapi kesusahan untuk diserapkan ke dalam pasaran buruh negara. Alasan yang sering dilemparkan adalah ketidaksepadanan di antara permintaan dan penawaran di dalam pasaran buruh.

Ketidaksepadanan ini sebenarnya wujud dari kedua-dua ekstrem. Pihak industri yang melabur di dalam teknologi tinggi menghadapi kesusahan untuk mendapatkan buruh mahir yang bersesuaian. Keadaan ini mungkin sudah dijangka dari awal. Manakala dari ekstrem yang lain, pihak industri berterusan menggunakan teknologi rendah tanpa memerlukan buruh berkemahiran tinggi.

Sebenarnya isu ini bukanlah suatu yang ganjil dan ianya turut berlaku walaupun di negara maju. Keadaan ekstrem perlu ditangani dengan dasar yang bersesuaian. Umpamanya, buruh berkemahiran tinggi yang diperlukan selari dengan peningkatan teknologi tertinggi boleh sahaja diimport. Malah ini menjadi dasar yang disengajakan di sesetengah negara maju untuk menggalakkan apa yang di panggil *brain gain*. Pada masa yang sama, buruh tidak mahir juga boleh di import untuk memastikan perjalanan aktiviti ekonomi yang licin. Di dalam konteks ini, Amerika Syarikat (AS) bergantung kepada buruh tidak mahir terutama dari Mexico dan pada masa yang sama buruh berkemahiran tinggi dari seluruh dunia diimport untuk keperluan industri mereka. Dalam pada itu, AS tidak sewenang-wenangnya membenarkan buruh asing yang mempunyai cuma kemahiran asas untuk memasuki pasarnya.

Kunci kepada dasar ini yang perlu dipatuhi adalah keadaan ekstrem ini tidak boleh dibiarkan menjadi suatu norma. Keadaan ekstrem itu perlu dikekalkan sebagai ekstrem. Jika keadaan ini boleh dipatuhi, cabaran seterusnya adalah untuk memastikan penawaran dan permintaan di dalam pasaran buruh sentiasa sepadan. Ini bermakna penglibatan bersama industri dan institusi pendidikan di dalam penggubalan kurikulum adalah amat penting bukan hanya sebagai suatu retorik.

Perlu juga diambil perhatian bahawa buruh separa mahir biasanya dicipta di dalam aktiviti ekonomi bukan sahaja melalui aktiviti pendidikan formal. Umpamanya. Buruh

binaan tidak mahir dari Indonesia dan Bangladesh mampu menjadi buruh separa mahir malahan buruh mahir setelah mempunyai pengalaman bertahun di Malaysia. Sebaliknya, Malaysia turut hilang keupayaan mencipta kategori buruh tersebut kerana buruh tidak mahir tempatan menjauhkan diri dari memasuki pasaran buruh ini. Ini juga merupakan suatu kerugian kepada negara di dalam jangka panjang.

Usaha kerajaan membanteras pendatang tanpa izin (PATI) amat dialu-alukan. Kebergantungan kepada buruh asing kurang mahir yang berdaftar sudah cukup memberi kesan negatif kepada pertumbuhan jangka panjang ekonomi negara. Apatah lagi ditambah pula dengan PATI. Malah kebergantungan kepada buruh asing di peringkat keperluan kemahiran asas perlu di kurangkan. Sebaliknya tumpuan perlu diberi kepada keperluan ekstrem melalui pemantauan yang khusus.

Pendek kata, insentif serta lain-lain kaedah bersesuaian perlu ditingkatkan untuk memastikan peningkatan teknologi di dalam negara. Pada masa yang sama kebergantungan kepada buruh asing tidak mahir perlu dikurangkan ke tahap yang terurus. Penawaran dan permintaan di dalam pasaran buruh perlu di dipadankan. Ini bukan sahaja untuk memastikan pertumbuhan produktiviti yang mapan, malah pelbagai gejala sosial yang tidak diingini turut dapat dibendung. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada keadaan ekonomi yang lebih kondusif untuk pertumbuhan jangka panjang.